



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
4 OKTOBER 2024



115,780 tak bayar pinjaman PTPK

Kuala Lumpur: Seramai 115,780 peminjam Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) gagal membuat bayaran balik pinjaman membabitkan jumlah tunggakan RM933.9 juta.

Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah PTPK, Rajiv Rishyakaran, berkata sejak ditubuhkan pada 2020, sebanyak 380,784 akaun peminjam direkodkan di bawah PTPK.

Daripada jumlah itu, katanya 115,780 ialah akaun tegar, iaitu pemilik akaun pinjaman yang tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman.

Daripada jumlah keseluruhan, beliau berkata, hanya kira-kira 97,000 akaun peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual,

manakala selebihnya ada tunggakan.

“Kita tak pasti apa alasan individu yang tidak membayar langsung pinjaman ini. Kalau ada sebab yang munasabah tak boleh bayar, sebenarnya dia boleh mohon pelepasan atau pengurangan pembayaran melalui surat sama ada secara dalam talian melalui MyPerkasa TVET atau pergi ke kaunter di cawangan PTPK di seluruh negara.

“Kalau tak mampu, kita boleh mengurangkan bayaran secara bulanan. Tapi mereka perlu masa lebih panjang untuk bayar balik,” katanya pada sidang media semalam.

PTPK ialah badan berkanun yang ditubuhkan sejak 2000 bertujuan memberikan pinjaman latihan kemahiran kepada indivi-

du yang mengikuti program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Penyedia Latihan Awam dan Swasta yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan berdaftar dengan PTPK.

Rajiv yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kutipan dan Bayaran PTPK, berkata tindakan penguatkuasaan turut dilakukan dengan memberi notis kepada peminjam yang gagal membayar balik pinjaman.

“Sekiranya peminjam tidak melayan notis terbabit, tindakan ke mahkamah akan dilakukan,” katanya.

Dalam pada itu, Rajiv berkata, PTPK turut mengadakan pelbagai insentif bagi menggalakkan peminjam untuk bayar balik pinjaman.

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
JUMAAT • 4 OKTOBER 2024

5

Transformasi kehidupan selepas bersara perkhidmatan ATM

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@mediamula.com.my

BATU KAWAN: 'Agi Idup Agi Ngelaban' yang bermaksud selagi hidup, selagi itulah perlu melawan. Mungkin ungkapan yang sinonim sebagai pembakar semangat anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) itu sesuai untuk menggambarkan keazaman luar biasa seorang pesara tentera laut ini.

Meskipun mengalami kemalangan yang teruk ketika dalam perjalanan untuk melapor diri semasa mula-mula mengikuti program latihan Veteran MyWIRA di syarikat Micron Memory Malaysia (Micron) di sini beberapa bulan yang lalu, Mohd. Daniel Abdullah, 44, nekad untuk tidak berpatah balik.

Dalam keadaan sebahagian daripada tubuhnya berlumuran dengan darah, Mohd. Daniel yang menunggang motosikal dari Ayer Tawar, Perak dalam keadaan hujan lebat itu bagaimanapun sempat tiba di Micron sebelum rebah dan terpaksa dikejarkan ke hospital berhampiran.

Pengalaman dan kisah perjuangan luar biasa itu dikongsikan kepada Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong yang hadir pada majlis pengiktirafan kohort pertama Veteran MyWIRA yang secara keseluruhannya melibatkan 25 pesara ATM lain daripada pelbagai latar belakang.

Jelas Steven, beliau tersentuh dengan kisah Mohd. Daniel yang juga merupakan bekas juruteknik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan menganggap disiplin yang diterapkan ketika berkhidmat dalam bidang ketenteraan sebelum ini sebanding dengan jiwa anggota veteran ATM itu ketika ini.

"Kisah ini sangat memberi inspirasi bukan sahaja kepada saya, tetapi kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya," kata Steven yang juga merupakan Ahli Parlimen Bukit Mertajam.

Terdahulu, Steven turut menyantuni beberapa pesara ATM lain yang mengikuti program Veteran MyWIRA itu hasil inisiatif bersama antara Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) iaitu sebuah agensi strategik dan badan pemikir di bawah Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat).

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew; Naib Presiden Micron Memory, Ramu Iyer; Ketua



STEVEN Sim (dua dari kiri) mendengar perkongsian pengalaman tiga anggota veteran ATM yang menyertai inisiatif Veteran MyWIRA di Micron Memory, Batu Kawan, Pulau Pinang. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

"Saya berbangga melihat 25 pesara tentera ini berjaya mendapat pekerjaan yang berkualiti dalam sektor swasta."

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Mejar Jenderal Semaon Marjuki serta beberapa kenamaan lain pegawai kanan yang berkenaan.

Dalam ucapannya, Steven berkata, inisiatif Veteran MyWIRA yang memberi peluang kepada veteran ATM untuk berkhidmat dalam sektor swasta selepas tamat perkhidmatan mereka itu sejajar dengan misi strategik 3K Kesuma iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan.

"Saya berbangga melihat 25 pesara tentera ini berjaya mendapat pekerjaan yang berkualiti dalam sektor swasta melalui inisiatif Veteran MyWIRA dan kejayaan mereka menyerahkan potensi ini serta menjadi tauladan yang baik untuk veteran dan syarikat lain untuk turut serta sekaligus memudahkan peralihan veteran ATM ke dalam kerjaya yang berkualiti dalam



STEVEN Sim berbulu bersama dengan Mohd. Daniel Abdullah (kanan) salah seorang veteran tentera yang terlibat dalam kohort pertama inisiatif Veteran MyWIRA untuk pesara ATM di Micron Memory, Batu Kawan, Pulau Pinang.

sektor swasta," kata beliau.

Pada majlis tersebut, Steven turut mengumumkan empat lagi syarikat baharu yang mengambil bahagian dalam inisiatif Veteran MyWIRA iaitu FedEx, Western Digital, Walta COE dan Hilton Malaysia.

Turut berlangsung pada majlis yang sama ialah pertukaran nota kerjasama antara TalentCorp dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

Kerjasama itu akan memanfaatkan Geran Advanced Technology Meister Programme (ATMP) NCIA untuk menyokong majikan di Wilayah Ekonomi

Koridor Utara (NCER) yang menyertai inisiatif Veteran MyWIRA dengan memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan kemahiran veteran.

Mengulas lanjut, Steven berkata, Micron Memory juga menasaskan untuk menggaji sehingga 50 pesara ATM baharu tahun depan iaitu selepas mereka mengikuti program latihan berkenaan.

"Jadi, sasaran kita ialah, selepas dua hingga tiga tahun, inisiatif Veteran MyWIRA ini mampu menempatkan sekurang-kurangnya sehingga 5,000 orang veteran (ATM) setiap tahun

(selepas ini)," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew menegaskan, agensi itu komited untuk meningkatkan taraf hidup veteran melalui inisiatif seperti Veteran MyWIRA.

"Dengan memanfaatkan kelengkapan TalentCorp seperti platform pemprofilan MyNext dan menghubungkan veteran dengan rakan industri melalui Majlis MyMAHIR Future Skills Talent Council, kami berhasrat untuk memudahkan transisi mereka ke dalam tenaga kerja," katanya.

Tambah beliau, pihaknya amat menggalakkan lebih banyak syarikat dari pelbagai industri untuk menawarkan peluang pekerjaan yang sama kepada wira negara sekaligus membolehkan mereka mendapatkan kerjaya yang berkualiti selepas tamat perkhidmatan dalam bidang ketenteraan.

Sementara itu, dua lagi veteran ATM yang mengikuti program Veteran MyWIRA turut berkongsi cerita mereka kepada Steven dalam satu sesi bual bicara santai selepas majlis berkenaan selesai.

Bagi S. Ruteradevan, 45, dia teruja kerana berpeluang untuk tinggal bersama keluarganya sejak bekerja di Micron sebagai penyelia bahagian pengeluaran selepas bersara pada Disember tahun lepas.

"Dulu iaitu semasa saya berkhidmat dalam ATM, terpaksa tinggalkan keluarga hampir setiap masa. Takkan apabila sudah bersara pun perlu berjauhan daripada keluarga?"

"Jadi, saya memilih menyertai kursus ini dan berpindah ke Nibong Tebal dari Taiping (Perak) untuk menjimatkan masa berulang-alik (dari Perak ke Pulau Pinang) selain meluangkan lebih masa bersama keluarganya di sini," kata bekas jurulatih kawad tentera Darat itu.

Seorang lagi pesara, Mohd. Fauzi Mohd. Soib, 39, memaklumkan, dia mendapat tahu mengenai inisiatif Veteran MyWIRA itu daripada media sosial milik Perhebat.

"Saya bersara sejak 2018 dan sejak itu, saya membuka perniagaan sendiri dan menjadi pekerja kilang sebelum menyertai program ini (Veteran MyWIRA)," ujar beliau.

Tambahnya, gaji yang berpatutan dengan kemahiran iaitu antara RM3,000 hingga RM4,000 juga antara menjadi faktor mengapa dia memilih untuk menyertai program terbaik.



Akhbar	The Star
Tarikh	4 Oktober 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	7



Speed up gig industry commission, urge stakeholders

KUALA LUMPUR: The government has been urged to expedite the setting up of the Malaysian Gig Economy Commission (SEGIM) to ensure better regulation of the gig industry.

Malaysian Gig Community Secretariat chairman Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin expressed hope that the initiative would be announced during the tabling of Budget 2025 by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on Oct 18.

He said the initiative was crucial for securing the future of workers in the gig economy, including e-hailing drivers, p-hailing dispatchers, and freelancers.

"There are weaknesses in the current laws, particularly regarding enforcement, safety guarantees, welfare, income and the future of these gig workers.

"For example, in the e-hailing sector, how can the government help drivers who are struggling with the sudden rise in e-hailing insurance premiums, which has affected their job costs?" he told Bernama.

Mohd Sharkar said the setting up of the commission would empower the government to tackle the oversaturation of e-hailing and p-hailing service providers, which has led to unhealthy competition and negatively affected the incomes of e-hailing drivers and p-hailing dispatchers.

In addition, he suggested that the government review and improve the i-Saraan scheme under the Employees Provident Fund (EPF) to safeguard the livelihoods of gig workers, especially as they approach retirement.

"The government could broaden access to a comprehensive social protection scheme, allowing for voluntary or mandatory contributions to the EPF and the Social Security Organisation (Socso).

"This would help establish long-term financial security, including benefits such as accident insurance, medical insurance and disability support," he said.

Mohd Sharkar also called on the government to introduce more financial initiatives and tax incentives for gig workers, such as targeted assistance to improve access to vehicle financing, skills training and capital to start or expand small businesses.

"It is also essential that Budget 2025 considers introducing more flexible regulations that protect workers' rights while ensuring that employers in the gig economy are held accountable for providing basic benefits to their workers," he added.

Malaysian P-Hailing Riders' Association (Penghantar) vice-president Abdul Hakim Abdul Rani proposed that the Socso's Self-Employment Social Security Scheme for 2024 be retained in the upcoming budget.

He also urged the government to enhance and expand upskilling and reskilling programmes for gig workers to help them secure better employment opportunities.



Akhbar	The Sun
Tarikh	4 Oktober 2024
Ruang	National
Muka Surat	3



Govt urged to expedite establishing Gig Economy Commission

KUALA LUMPUR: The government has been urged to expedite the establishment of the Gig Economy Commission to ensure better organisation and regulation of the gig industry ecosystem.

Gig Community Secretariat chairman Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin expressed hope that the initiative would be announced during the Budget 2025 presentation by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim on Oct 18.

He said the initiative is crucial to secure the future of individuals in the gig economy, including e-hailing drivers, p-hailing dispatchers

and freelancers.

"There are weaknesses in the laws, particularly regarding enforcement, safety guarantees, welfare, income and the future of gig workers.

"For example, in the e-hailing sector, how can the government help drivers who are struggling with the sudden rise in e-hailing insurance premiums, which has affected their job costs?"

He said the establishment of the commission would empower the government to tackle the oversaturation of e-hailing and p-hailing service providers, which has led to unhealthy competition

and negatively impacted the incomes of e-hailing drivers and p-hailing dispatchers.

He suggested the government review and improve the *i-Saraan* scheme under EPF to safeguard the livelihoods of gig workers, especially as they approach retirement.

"The government could broaden access to a comprehensive social protection scheme, allowing for voluntary or mandatory contributions to EPF and Socso. This would help establish long-term financial security, including benefits such as accident insurance, medical insurance and disability support."

He called on the government to introduce more financial initiatives and tax incentives for gig workers, such as targeted assistance to improve access to vehicle financing, skills training and capital to start or expand small businesses.

"It is essential that Budget 2025 considers introducing more flexible laws and regulations that protect worker rights while ensuring employers in the gig economy are held accountable for providing basic benefits to their workers."

P-hailing Riders Association vice-president Abdul Hakim Abdul Rani proposed that the Socso

Self-Employment Social Security Scheme for 2024 be retained in the upcoming budget.

"Previously, the government introduced the Mobilepreneur Interest-Free Motorcycle Loan Scheme for p-hailing dispatchers through the National Entrepreneurial Group Economic Fund. We hope the government would consider continuing the initiative."

He also urged the government to enhance and expand upskilling and reskilling programmes for gig workers to help them secure better employment opportunities.
- Bernama